

08 AUG 2001

Arroyo-penghormatan

DR MAHATHIR PERINTIS KEAMANAN, KATA ARROYO

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Presiden Gloria Macapagal Arroyo hari ini memberi penghormatan tertinggi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyifatkan Perdana Menteri sebagai "seorang saudara dan perintis keamanan" kerana membantu merapatkan hubungan antara penganut Kristian dan Islam di Filipina.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan sentiasa dianggap sebagai seorang yang merintis jalan ke arah keamanan dan sebagai seorang saudara yang menolong menyembuh pelbagai luka antara Kristian dan umat Islam di Filipina," katanya.

Dalam kata-kata aluannya sebelum diajukan soalan pada sidang media di hari kedua lawatan rasminya selama tiga hari ke Malaysia, pemimpin Filipina itu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana menjadikan lawatan beliau ke sini bukan sekadar satu upacara tetapi sebagai langkah yang amat bermakna kepada Filipina ke arah mewujudkan keamanan dan kemakmuran.

"Dr Mahathir adalah satu contoh sebenar tentang erti pragmatisme, wawasan dan lebih penting lagi, bagaimana menguruskan manusia yang berbagai-bagai. Semua sifat ini mencakupi tujuan lawatan saya iaitu keamanan," katanya.

Semalam, dua dokumen perdamaian ditandatangani di Putrajaya -- satu mengenai mekanisme untuk melaksanakan gencatan senjata antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), dan satu lagi ialah perjanjian perpaduan antara MILF dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

MILF dan MNLF masing-masing mendakwa mereka mewakili kepentingan lima juta penduduk Islam Mindanao di bahagian selatan Filipina.

Sambil berkata kawasan selatan Filipina masih menghadapi ancaman pemberontak Abu Sayyaf, Arroyo berikrar bahawa kumpulan itu akhirnya akan dihapuskan.

"Saya berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin Malaysia kerana menyokong pendirian tegas saya agar kerajaan tidak membayar wang tebusan. Kami sedang menunggu masa saja untuk menyelamatkan tebusan daripada kumpulan ini.

"Ini bukan janji. Ini satu komitmen," katanya merujuk kepada Abu Sayyaf yang menjadikan beberapa kumpulan sebagai tebusan mereka, termasuk lebih 20 rakyat Malaysia dan orang asing dari kepulauan Sipadan dan Pandanan di luar Sabah tahun lepas.

Mengenai lawatannya ke Malaysia, Arroyo berkata ia telah menepati jangkauan malah melebihinya dengan dua perjanjian perdamaian itu dapat dimeterai.

"Saya tidak menjangka sebarang perjanjian perdamaian akan ditandatangani berhubung proses keamanan. Apa yang penting ialah keamanan dan kemajuan yang sebenar dapat dinikmati agar saudara-saudara Islam kita menjadi lebih baik berada dalam arus utama daripada berada di luar untuk meminta dipisahkan," katanya.

Arroyo juga berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Shah kerana menjemput beliau melakukan lawatan negara itu dan terhadap sambutan mesra kepada beliau dan rombongannya.

Pemimpin Filipina itu berkata semakin banyak dasar luar kerajaannya dibuat dalam konteks Asean.

Katanya beliau akan melawat negara-negara Asean yang lain untuk tujuan mengukuhkan kerjasama.

Mengenai pekerja Filipina di Malaysia, Arroyo berkata beliau gembira kerana lebih 500,000 rakyat negara itu dapat bekerja di sini.

"Mungkin ada yang memasuki negara ini secara haram, tetapi secara keseluruhannya saya berpuas hati kerana kita tidak mempunyai sebarang masalah besar dengan kerajaan Malaysia atau majikan Malaysia," katanya.

Beliau berkata para pekerja ini penting kepada ekonomi Filipina.

"Saya yakin mereka akan terus dapat bekerja di ladang, kilang dan rumah di sini," katanya.

Mengenai kerjasama di bidang pelancongan, beliau berkata kegiatan di sektor itu akan bertambah hasil satu perjanjian yang ditandatangani antara kedua-dua negara.

Semasa berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-Filipina, Arroyo berkata pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Mindanao akan menjadi bahagian penting dalam agenda nasional Filipina.

Katanya kerajaan beliau menghargai minat Malaysia dalam pembangunan ekonomi Mindanao khususnya dalam menyumbang ke arah meningkatkan tahap ekonomi umat Islam Filipina.

"Kita berharap semoga kita sama-sama dapat menggunakan pelbagai peluang perniagaan yang terdapat di Mindanao untuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan kebajikan ekonomi mereka yang terlibat," katanya.

-- BERNAMA

MAM NZ AHH MAI